EDISI **2026**

BULETIN OSHMP30



“Komitmen Bersama, Keselamatan Terpelihara”

Majlis Peluncuran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2026-2030 (OSHMP30)

Majlis Peluncuran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2026–2030 (OSHMP30) telah berlangsung pada 28 Julai 2026 di Bangi Avenue Convention Centre (BACC). Bertemakan “Membina Persekitaran KKP yang Berdaya Tahan dan Inklusif untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan”, OSHMP30 menggariskan hala tuju strategik negara bagi memperkukuh sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) untuk tempoh lima tahun. Pelan ini memberi penekanan kepada pengukuhan tadbir urus KKP, pembudayaan amalan kerja selamat dan sihat serta pembangunan persekitaran kerja yang inklusif dan berdaya tahan. Pelaksanaannya memerlukan kerjasama strategik antara kerajaan, majikan, pekerja dan semua pihak berkepentingan bagi memastikan kesejahteraan pekerja terus terpelihara serta menyokong pembangunan negara yang mampan.



The Launching Ceremony of the Occupational Safety and Health Master Plan 2026–2030 (OSHMP30) was held on 28 July 2026 at the Bangi Avenue Convention Centre (BACC). With the theme “Building a Resilient and Inclusive OSH Environment for the Future Workforce, "OSHMP30 sets out Malaysia's strategic direction for strengthening the national Occupational Safety and Health (OSH) framework over the next five years. The plan focuses on enhancing OSH governance, cultivating a strong culture of safe and healthy work practices, and fostering a more inclusive and resilient working environment. Achieving these objectives requires close collaboration among the government, employers, employees, and all relevant stakeholders to safeguard workers' well-being and promote a safer, healthier, and more sustainable future for the nation.



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026-2030 (OSHMP30)



The National Occupational Safety and Health Master Plan 2026–2030 (OSHMP30) Implementation Committee Meeting was held to discuss the coordination of initiatives, current progress, and follow-up actions to ensure the achievement of the established objectives and targets. The meeting aimed to ensure that the implementation of the master plan remains focused, coordinated, and effective in strengthening occupational safety and health in Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30) diadakan bagi membincangkan penyelarasan pelaksanaan inisiatif, perkembangan semasa serta tindakan susulan bagi memastikan pencapaian objektif dan sasaran yang ditetapkan. Perbincangan ini bagi memastikan pelaksanaan pelan induk kekal berfokus, terselaras dan berkesan dalam memperkukuh keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.





Sesi Libat Urus Pelaksanaan Pelan Induk KKP Negara 2026–2030 (OSHMP30)

Sesi Libat Urus Pelaksanaan OSHMP30 bersama kementerian dan agensi terlibat diadakan bagi meningkatkan kefahaman mengenai hala tuju, teras strategik dan keutamaan pelaksanaan pelan induk tersebut. Sesi ini turut menjadi platform untuk menyelaras peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan, membincangkan cabaran pelaksanaan serta mengenal pasti peluang penambahbaikan. Melalui perkongsian pandangan dan kerjasama strategik, sesi ini bertujuan memperkukuh komitmen serta pemilikan bersama kementerian dan agensi dalam menjayakan OSHMP30. Usaha ini penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif KKP secara bersepadu, mampan dan berimpak tinggi ke arah membina persekitaran KKP yang berdaya tahan dan inklusif untuk tenaga kerja masa hadapan.

The OSHMP30 Implementation Engagement Session with relevant ministries and agencies was held to enhance understanding of the master plan's strategic direction, key pillars, and implementation priorities. The session also served as a platform to align the roles and responsibilities of stakeholders, address implementation challenges, and identify opportunities for improvement. Through the exchange of views and strategic collaboration, the session aimed to strengthen the commitment and shared ownership of ministries and agencies in driving the successful implementation of OSHMP30. These efforts are essential to ensuring the integrated, sustainable, and high-impact implementation of Occupational Safety and Health (OSH) initiatives, towards building a resilient and inclusive OSH environment for the future workforce.





HEBAHAN MEDIA OSHMP30

KAJANG, 28 Julai – Kerajaan menyasarkan pengurangan kadar kecederaan maut pekerjaan kepada 2.20 kes bagi setiap 100,000 pekerja menjelang 2030 menerusi peluncuran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026 - 2030 (OSHMP30).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan berkata, perubahan pesat dunia pekerjaan akibat teknologi, automasi, kecerdasan buatan (AI), ekonomi gig, perubahan iklim dan peningkatan risiko psikososial memerlukan pendekatan baharu dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

“Selepas 150 tahun perkembangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini, persoalan yang perlu kita renungkan bersama bukan lagi sekadar sama ada tempat kerja itu selamat ataupun tidak, tetapi adakah tempat kerja kita benar-benar bersedia menghadapi cabaran masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2026 serta Peluncuran OSHMP30 di sini, hari ini.

Dalam pada itu, kerajaan turut menetapkan sasaran mengurangkan kadar kecederaan pekerjaan kepada 2.20 kes bagi setiap 1,000 pekerja serta kadar penyakit pekerjaan kepada 59.8 kes bagi setiap 100,000 pekerja dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurut Datuk Khairul Firdaus, OSHMP30 merupakan pelan tindakan nasional yang memerlukan komitmen bersama kerajaan, majikan, pekerja serta semua pemegang taruh bagi memastikan matlamat keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara tercapai.Pelan itu memberi tumpuan kepada enam teras strategik merangkumi pengukuhan tatakelola KKP, meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan pekerja, mempercepat inovasi dan pendigitalan KKP.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia, Hazlina Yon berkata, pelaksanaan OSHMP30 perlu disokong perubahan budaya kerja serta penglibatan aktif semua pihak, bukan bergantung kepada penguatkuasaan semata-mata.

“Transformasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak boleh dicapai melalui penguatkuasaan semata-mata. Ia memerlukan perubahan budaya, perkongsian ilmu, inovasi dan penglibatan aktif semua pihak dalam membina persekitaran kerja yang selamat, sihat dan mampan,” katanya.



YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan
Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2026 yang berlangsung selama dua hari dan berakhir hari ini bertemakan ‘Halatuju Selepas 150 Tahun KKP: Bagaimana Keadaan Kerja Anda?’.

Program itu menghimpunkan wakil kerajaan, majikan, pekerja, badan profesional, ahli akademik dan pemain industri bagi membincangkan cabaran baharu dunia pekerjaan, selain berkongsi amalan terbaik dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Sumber: *https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/oshmp-30sasar-kurangkan-kecederaan-maut-pekerjaan-kepada-20-2-kes/#*

“Kerajaan Sasar Kurangkan Insiden Pekerjaan Melalui OSHMP 30.”



KAJANG, 28 July – The government aims to reduce the rate of fatal occupational injuries to 2.20 cases per 100,000 workers by 2030 through the launch of the National Occupational Safety and Health Master Plan 2026–2030 (OSHMP30).

Deputy Minister of Human Resources, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, stated that the rapid changes in the world of work due to technology, automation, artificial intelligence (AI), the gig economy, climate change and increasing psychosocial risks require a new approach to occupational safety and health management.

"After 150 years of occupational safety and health development in this country, the question we should reflect on together is no longer simply whether the workplace is safe or not, but whether our workplaces are truly prepared to face future challenges," he said.He made these remarks during the closing ceremony of the 2026 Occupational Safety and Health (OSH) Week celebration and the launch of OSHMP30.

Meanwhile, the government has also set targets to reduce the occupational injury rate to 2.20 cases per 1,000 workers and the occupational disease rate to 59.8 cases per 100,000 workers over the next five years.

According to Datuk Khairul Firdaus, OSHMP30 is a national action plan that requires the joint commitment of the government, employers, employees and all stakeholders to ensure that the country›s occupational safety and health objectives are achieved. The plan focuses on six strategic pillars, including strengthening OSH governance, improving workers› health and well-being, and accelerating OSH innovation and digitalisation.

Meanwhile, the Director General of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia, Hazlina Yon, stated that the implementation of OSHMP30 must be supported by changes in workplace culture and the active involvement of all parties, rather than relying solely on enforcement.



Ir. Ts. Hajah Hazlina binti Yon
Ketua Pengarah JKKP Malaysia

"The transformation of occupational safety and health cannot be achieved through enforcement alone. It requires cultural change, knowledge sharing, innovation and the active involvement of all parties in building a safe, healthy and sustainable working environment," she said.

The 2026 Occupational Safety and Health (OSH) Week celebration, which lasted for two days and concluded today, carried the theme 'The Way Forward After 150 Years of OSH: How Is Your Workplace?'

The programme brought together representatives from the government, employers, employees, professional bodies, academics and industry players to discuss emerging challenges in the world of work, as well as share best practices in occupational safety and health.

Source: RTM News https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/oshmp-30sasar-kurangkan-kecederaan-maut-pekerjaan-kepada-20-2-kes/

PEMERKASAAN TATAKELOLA KKP SECARA STRATEGIK

ADVANCING OSH GOVERNANCE STRATEGICALLY

Promosi dan Hebahan Video Pendek 150 Tahun Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara

Penghasilan bahan pengiklanan kempen KKP merangkumi penerbitan video 15 saat dan reka bentuk bahan percetakan yang disiarkan melalui LCD di 15 tren LRT Laluan Ampang selama 30 hari, satu papan tanda mendatar di KL Sentral Linkway serta bahan pengiklanan dalaman pada lima buah bas Rapid KL di sekitar Lembah Klang. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan KKP, memperkenalkan sejarah dan pencapaian KKP sepanjang 150 tahun serta memperkukuh keterlihatan JKKP sebagai agensi peneraju KKP melalui pendekatan visual dan digital yang ringkas dan berkesan.

The development of OSH campaign advertising materials involved the production of a 15-second video and the design of printed materials, featured on LCD screens across 15 trains on the Ampang LRT Line for 30 days, a horizontal billboard at KL Sentral Linkway, and interior advertising materials on five Rapid KL buses operating across the Klang Valley. This initiative aimed to raise public awareness of the importance of Occupational Safety and Health (OSH), showcase 150 years of OSH history and achievements, and strengthen the visibility of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) as the lead agency for OSH through concise, along with effective visual and digital communication approaches.







Sesi Libat Urus Penandaarasan dan Pembangunan Kerangka Integrasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Kelulusan Pinjaman Bank

Bengkel Sesi Libat Urus ini dilaksanakan selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2026–2030 (OSHMP 30), Bengkel ini melibatkan wakil JKKP negeri serta institusi kewangan, iaitu Bank Muamalat, SME Bank, Public Bank dan MBSB Bank. Perbincangan berfokus telah mengenal pasti jurang pelaksanaan pengurusan risiko kredit (CRM), keperluan menyelaraskan pendekatan penilaian KKP tempatan dengan amalan antarabangsa serta pembangunan kriteria KKP yang standard. Bengkel ini turut menghasilkan draf kerangka integrasi KKP sebagai elemen nilai tambah dalam pertimbangan kelulusan pinjaman bank, bagi menggalakkan pematuhan dan meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pihak industri.

This Stakeholder Engagement Workshop was conducted in line with the Occupational Safety and Health Master Plan 2026–2030 (OSHMP30). The workshop brought together representatives from state offices of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) and financial institutions, namely Bank Muamalat, SME Bank, Public Bank, and MBSB Bank. Focused deliberations identified gaps in the implementation of Credit Risk Management (CRM), the need to align local OSH assessment approaches with international practices, and the development of standardised OSH criteria. The workshop also resulted in an OSH intergration framework draft, proposing OSH as an added-value element in bank loan approval considerations to encourage compliance and strengthen occupational safety and health practices across industries.

Sesi Dialog JKKP Bersama Pihak Berkepentingan : Peranan dan Tanggungjawab Orang Kompeten Dandang Stim & Perbadanan Pengurusan (MC) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)

Sesi dialog JKKP bersama pihak berkepentingan, melibatkan Perbadanan Pengurusan (MC), Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Orang Kompeten Dandang Stim, dilaksanakan selaras dengan OSHMP30. Sesi ini membincangkan perundangan KKP terkini, tanggungjawab pengurusan lif, pengurusan MyKKP, NADAPOD, draf garis panduan Jurutera Dandang Stim Pelawat serta sistem mata CEP. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kefahaman perundangan, mengumpul input strategik, menangani isu industri serta memperkukuh kerjasama antara JKKP dengan pihak berkepentingan dalam memperkasakan amalan KKP dan pembangunan profesional berterusan.





DOSH held a stakeholder dialogue session involving Management Corporations (MCs), Joint Management Bodies (JMBs) and Steam Boiler Competent Persons in line with OSHMP 30. The session covered the latest OSH legislation, lift management responsibilities, MyKKP administration, NADOPOD, draft guidelines for Visiting Steam Boiler Engineers, and the CEP points system. This initiative aimed to enhance understanding of legislative requirements, gather strategic input, address industry issues, and strengthen collaboration between DOSH and stakeholders to improve OSH practices and support continuing professional development.





“Kefahaman yang jelas, kompetensi yang mantap dan kerjasama yang erat menjadi asas kepada pengurusan KKP yang berkesan.”

Bengkel Pemerkasaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pasaran LEAP



Sesi pembentangan dan perbincangan berkaitan integrasi elemen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam Pasaran LEAP melibatkan wakil JKKP, Approved Advisor dan pihak industri. Program ini merangkumi perkongsian mengenai pemerkasaan KKP dalam Pasaran LEAP, kriteria kandungan Information Memorandum (IM) serta sesi perbincangan tiga penjuru. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kerjasama antara pihak berkepentingan serta mengenal pasti cabaran teknikal dalam mengintegrasikan elemen KKP ke dalam Information Memorandum bagi memperkukuh amalan KKP dalam kalangan syarikat yang terlibat.

A presentation and engagement session on integrating Occupational Safety and Health (OSH) elements into the LEAP Market brought together representatives from DOSH, Approved Advisers and industry stakeholders. The programme featured knowledge-sharing on strengthening OSH practices within the LEAP Market, the content requirements for Information Memorandums (IMs), and a tripartite discussion session. This initiative aimed to enhance understanding and collaboration among stakeholders and identify technical challenges in incorporating OSH elements into the Information Memorandum to strengthen OSH practices among participating companies.

Bengkel Pembangunan E-Modul *Work-Related Road Safety* (WRRS)

Bengkel ini membincangkan semakan *Industry Code of Practice for Road Transport Activities*, penambahbaikan modul WRRS OSH-C susulan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP), keperluan kompetensi jurulatih serta pembangunan modul elektronik (WRRS e-Module). Bengkel turut meneroka potensi integrasi elemen PETRONAS SAFERO dalam latihan keselamatan jalan raya. Hasil perbincangan, input pihak berkepentingan telah diperoleh, keperluan penambahbaikan dikenal pasti dan hala tuju pembangunan modul dipersetujui. Kerjasama antara PERKESO, JKKP, MIROS, JPJ, PETRONAS dan UiTM turut diperkukuh bagi menyokong pelaksanaan OSHMP30.



The workshop focused on reviewing the Industry Code of Practice for Road Transport Activities (ICOP RTA) 2010, updating the WRRS OSH-C module following amendments to the Occupational Safety and Health Act (OSHA), trainer competency requirements, and the development of the WRRS e-Module. It also explored the integration of PETRONAS SAFERO elements into road safety training. The workshop gathered stakeholder input, identified areas for improvement, and agreed on the direction for module development. Collaboration among PERKESO, DOSH, MIROS, JPJ, PETRONAS and UiTM was also strengthened to support OSHMP30 implementation..

PENERAJU KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA

LEADING THE WAY IN EMPLOYEE HEALTH AND WELL-BEING

Bengkel Penggubalan Tataamalan Industri Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan

Inisiatif ini bertujuan untuk mempertingkatkan pelaksanaan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di sektor industri, di samping memperkukuh tahap pematuhan terhadap AKKP 1994. Bagi menyokong kelancaran pematuhan peraturan baharu ini, Jabatan perlu membangunkan satu ICOP panduan kepada majikan, pekerja, dan penggiat industri terutamanya syarikat penyedia perkhidmatan kesihatan pekerjaan. Pembangunan draf baharu Tataamalan Industri Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan bagi menyokong keperluan perundangan draf Peraturan-Peraturan KKP (Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan) 202x.



This initiative aims to enhance the delivery of occupational health services in the industrial sector and strengthen compliance with the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA 1994). In order to facilitate compliance with the new regulations, the Department needs to develop an Industry Code of Practice (ICOP) to guide employers, workers and industry practitioners, particularly occupational health service providers. The new ICOP draft on Occupational Health Services will support the legislative requirements of the draft Occupational Safety and Health (Occupational Health Services) Regulations 202x.



Guidance Related to Noise Level Information Produce by Plant serves as a reference for designers, manufacturers, importers and suppliers to ensure noise information is clearly documented and supports systematic noise risk management in the workplace. This document will also support the development of the Prevention through Design (PtD) Guidelines for Noise. The initiative aims to strengthen the integration of noise information into machinery design, selection and management processes to enable earlier and more effective noise risk control.

Pembangunan Panduan Mengenai Maklumat Paras Bising yang Dihasilkan oleh Jentera

Panduan Maklumat Paras Bising yang dihasilkan oleh Loji sebagai rujukan kepada pereka bentuk, pembuat, pengimport dan pembekal bagi memastikan makumat kebisingan didokumentasikan dengan jelas dalam melaksanakan pengurusan risiko bising secara sistematik di tempat kerja. Dokumen ini akan dijadikan dokumen sokongan dalam pembangunan Panduan Pencegahan Melalui Rekabentuk Kebisingan. Peningkatan penerapan maklumat kebisingan dalam proses reka bentuk, pemilihan dan pengurusan jentera bagi menyokong pengawalan risiko bising secara lebih awal dan berkesan.

Pilot Rintis Pengujian Paras Bising Jentera di Lapangan dan Makmal Senyap

Pelaksanaan Projek Rintis di lapangan - in-situ di Kilang Sawit Pasoh Negeri Sembilan dan makmal senyap (*anechoic chamber*) di Centre of Excellence for Engineering and Technology (CREaTE) JKR Alor Gajah, Melaka. Objektif projek rintis ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman praktikal berkaitan kaedah penentuan Sound Power Level (LwA) menggunakan pengukuran intensiti bunyi berdasarkan Standard ISO 9614-2: *Sound Power Determination Using Sound Intensity Scanning Method*.

The pilot project was conducted - in situ at Pasoh Palm Oil Mill, Negeri Sembilan, and in the anechoic chamber at the Centre of Excellence for Engineering and Technology (CREaTE), JKR, Alor Gajah, Melaka. It aimed to provide practical exposure and understanding of methods for determining Sound Power Level (LwA) through sound intensity measurements based on ISO 9614-2: Sound Power Determination Using Sound Intensity Scanning Method.









Menangani Risiko Baharu Muncul dalam Kesihatan Pekerjaan

Mesyuarat Pembangunan dan Pengharmonian Program Emerging Occupational Health (OH). Menyelaras peranan ahli jawatankuasa dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah program dalam TS2P4. Perbincangan bersama ahli jawatankuasa bagi aktiviti 1 dan 2 di bawah Program 4 seramai 20 orang termasuk pegawai JKKP dan wakil industri. Setiap aktiviti di bawah Program 4 mewujudkan mekanisme pelaksanaan secara terperinci bagi memastikan objektif yang ditetapkan bagi setiap aktiviti dapat dicapai sepenuhnya.





The Emerging Occupational Health (OH) Programme Development and Coordination Meeting brought together 20 participants, including DOSH officers and industry representatives, to coordinate committee members' roles and discuss Activities 1 and 2 under TS2P4 Programme 4. Detailed implementation mechanisms were developed for each activity to ensure the achievement of the established objectives.

Mempromosikan Garis Panduan Prisma



This initiative promoted the Guidelines on Psychosocial Risk Assessment and Management at the Workplace (PRisMA) 2024 and raised awareness of employers' responsibilities under the Occupational Safety and Health Act 1994 to assess and manage psychosocial risks. These risks include workload, work-life balance, job control, career development and other related factors.

Aktiviti ini mempromosikan Guidelines Psychosocial Risk Assessment and Management at the Workplace (PRisMA) 2024 dan memastikan pekerja dimaklumkan tentang tanggungjawab majikan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk menilai dan mengurus risiko psikososial termasuk yang berkaitan dengan beban kerja, keseimbangan kerja-hidup, kawalan pekerjaan, pembangunan kerjaya dan lain-lain.



PEMACU INOVASI DAN INTEGRASI TEKNOLOGI KKP

DRIVING INNOVATION AND INTEGRATION OF OSH TECHNOLOGY

Bengkel Bimbingan Penerapan Teknologi KKP Bersama Industri

Bengkel Bimbingan Penerapan Teknologi KKP bersama industri telah dilaksanakan di Johor, Kedah dan Melaka sepanjang Julai hingga September 2026. Bengkel ini memberi tumpuan kepada pemurnian Draf Kriteria Pengesahan Teknologi KKP Kebangsaan melalui perbincangan dan maklum balas industri. Program turut merangkumi pembentangan teknologi serta lawatan teknikal ke premis industri bagi meninjau aplikasi teknologi KKP dalam operasi sebenar. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pembangunan kriteria penilaian yang seragam dan komprehensif bagi menyokong pengesahan teknologi KKP sebagai rujukan rasmi JKKP menjelang tahun 2027.





Lawatan Teknikal ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor



Sesi Bimbingan / Bengkel Bersama Perniagaan (Inokom Corporation Sdn. Bhd.) di Purest Hotel, Sungai Petani, Kedah

Kriteria Pengesahan Teknologi KKP Kebangsaan

Bagi memudah cara integrasi teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) tempatan, dua (2) sesi bengkel telah dilaksanakan bagi membangunkan Draf Kriteria Pengesahan Teknologi KKP Kebangsaan. Bengkel ini melibatkan perbincangan dan perkongsian pandangan bersama empat (4) wakil industri, iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Samsung E&A, First Solar Malaysia Sdn. Bhd. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan kriteria penilaian yang sistematik, komprehensif dan bersesuaian dengan keperluan industri bagi menyokong pelaksanaan program pengesahan teknologi KKP kebangsaan menjelang tahun 2027.

Two workshops were conducted to facilitate the integration of local Occupational Safety and Health (OSH) technologies and develop the Draft National OSH Technology Verification Criteria. The workshops involved discussions and knowledge-sharing with industry representatives from Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Samsung E&A, and First Solar Malaysia Sdn. Bhd. The initiative aimed to establish systematic, comprehensive, and industry-relevant assessment criteria to support the implementation of the national OSH technology verification programme by 2027.

OSH Technology Implementation Guidance Workshops with the industry were conducted in Johor, Kedah and Melaka from July to September 2026. The workshops focused on refining the Draft National OSH Technology Verification Criteria through discussions and industry feedback. The programme also included technology presentations and technical visits to industrial premises to observe the application of OSH technologies in actual operations. This initiative aimed to develop consistent and comprehensive assessment criteria to support the verification of OSH technologies as an official DOSH reference by 2027.

Lawatan Teknikal ke Pengguna Aplikasi atau Sistem Teknologi KKP

Lawatan teknikal ke industri telah dilaksanakan bagi meninjau penggunaan aplikasi dan sistem teknologi KKP dalam operasi sebenar. Lawatan ini turut menjadi platform perkongsian pengalaman, mendapatkan maklum balas serta mengenal pasti amalan terbaik dalam penerapan teknologi. Pendedahan ini memberi kefahaman mengenai keberkesanan penggunaan teknologi digital dalam pengurusan risiko KKP. Selain itu, lawatan ini membuka peluang kerjasama strategik antara JKKP dan pihak industri dalam memperluas penggunaan teknologi yang inovatif. Inisiatif ini menyokong usaha memperkukuh pengurusan keselamatan dan kesihatan serta meningkatkan budaya pencegahan risiko di tempat kerja.

Technical visits to industrial premises were conducted to observe how OSH technologies and systems were applied in practice. The visits provided opportunities to share experiences, gather feedback and identify best practices in technology adoption. They also enhanced understanding of how digital technologies can improve OSH risk management and encouraged strategic collaboration between DOSH and the industry to expand the use of innovative technologies. This initiative supports stronger OSH management and promotes a culture of risk prevention in the workplace.



Lawatan teknikal ke Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MMHE), Johor

Majlis Penghargaan Pembangun dan Pembekal Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) serta Pengesahan Maklumat Teknologi

Majlis Penghargaan Pembangun dan Pembekal Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) serta Pengesahan Maklumat Teknologi merupakan inisiatif JKKP bagi mengiktiraf sumbangan industri dalam pembangunan dan inovasi teknologi KKP. Majlis ini turut memberi penekanan kepada pengesahan maklumat teknologi bagi tujuan pembangunan direktori pembangun dan pembekal melalui portal rasmi JKKP. Inisiatif ini selaras dengan Teras Strategik 3 OSHMP30 dalam memperkukuh kerjasama industri, memperluas akses kepada maklumat teknologi serta menggalakkan penggunaan penyelesaian teknologi yang inovatif bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

The Appreciation Ceremony for Occupational Safety and Health (OSH) Technology Developers and Suppliers and Verification of Technology Information was a DOSH initiative to recognise industry contributions to OSH technology development and innovation. The event also emphasised the verification of technology information to develop a directory of developers and suppliers on the official DOSH portal. This initiative aligns with Strategic Thrust 3 of OSHMP 30 to strengthen industry collaboration, expand access to technology information and encourage the adoption of innovative technological solutions to improve workplace safety and health.



Seminar Penggunaan Sistem Pengurusan Risiko KKP Digital (Zon Utara) 2026



Penganjuran Seminar Penggunaan Sistem Pengurusan Risiko KKP Digital merupakan usaha memperkasakan transformasi digital dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Seminar ini menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan demonstrasi aplikasi teknologi digital oleh pakar industri serta pembangun sistem. Program ini menyasarkan penyertaan seramai 50 orang peserta pada tahun 2026, dengan sasaran kumulatif 150 orang peserta melalui pelaksanaan program selama tiga tahun menjelang 2030. Melalui inisiatif ini, industri didedahkan kepada pendekatan penilaian risiko yang lebih sistematik dan berasaskan data, sekali gus menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam memperkukuh budaya pencegahan di tempat kerja.

The Seminar on the Use of Digital OSH Risk Management Systems is an initiative to advance digital transformation in occupational safety and health management. It provides a platform for industry experts as well as system developers to share knowledge and experience and demonstrate digital technology applications. The programme targets the participation of 50 participants in 2026, with a cumulative target of 150 participants through the implementation of the programme over three years by 2030. Through this initiative, industry participants are introduced to more systematic, data-driven risk assessment approaches, encouraging the adoption of digital technology to strengthen a culture of prevention in the workplace.

Lawatan Penanda Aras ke Ekspo dan Pameran Teknologi Antarabangsa

Lawatan penanda aras ke ekspo dan pameran teknologi antarabangsa dilaksanakan sebagai persediaan bagi penganjuran Ekspo Teknologi KKP pada tahun 2029. Inisiatif ini bertujuan meneroka inovasi terkini, mengenal pasti amalan terbaik serta membina jaringan kerjasama dengan pembangun teknologi, pemain industri dan rakan strategik. Penganjuran Ekspo Teknologi KKP 2029 menyasarkan penyertaan 400 organisasi, termasuk agensi kerajaan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat antarabangsa. Usaha ini menyokong aspirasi Teras Strategik 3 OSHMP30 dalam memperkasa inovasi dan integrasi teknologi KKP di Malaysia.

Benchmarking visits to international technology expos and exhibitions were conducted in preparation for the OSH Technology Expo 2029. This initiative aimed to explore the latest innovations, identify best practices and establish collaborative networks with technology developers, industry players and strategic partners. The OSH Technology Expo 2029 targets participation from 400 organisations, including government agencies, micro, small and medium enterprises (MSMEs), and international companies. This effort supports the aspirations of Strategic Thrust 3 of OSHMP 30 to strengthen innovation and the integration of OSH technology in Malaysia.



Lawatan ke Ekspo International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX)

PEMUGARAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DAN SEKTOR BERISIKO TINGGI

REVITALISING MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES AND HIGH-RISK SECTORS

Seminar Tematik KKP: Tadbir Urus Korporat & Penilaian Wajar (Due Diligence) KKP

Seminar ini dijalankan pada 18 Ogos 2026 bertempat di Hotel Espira Kinrara, Puchong, Selangor. Seminar telah disertai seramai 50 orang peserta daripada agensi kerajaan iaitu KESUMA, KUSKOP, KPKT, KKR, JKR, PETRA, SME Corp, IEM, DBKL, TNB, CIDB dan FMM.



Output seminar adalah penyediaan rakaman TED Talk kepada video pendek berdurasi 1–3 minit untuk dimuat naik secara berkala di TikTok, Facebook, dan YouTube JKKP bagi meningkatkan capaian (*reach*).

Sebanyak 7 topik berkaitan dengan tadbir urus korporat dan penilaian wajar KKP bagi sektor awam dikongsikan:

- From Risk Assessment to Corporate Accountability: Strengthening OSH Governance & Due Diligence
- Data Driven Interventions: Eradicating Under-Reporting via Centralised Executive Dashboards
- Crash Programme: A Transformative Enforcement Model Anchored in the Umbrella Concept
- Umbrella Enforcement: Why Tier-1 Corporations Must Mentor Their PMKS Supply Chain Vendors
- CDM Project Lifecycle
- The Multi-Stakeholder Handshake: Client, Engineer and Contractor Accountability in CWDM 2024
- The Ripple Effect: How Occupational Safety Directly Impacts National GDP & Export Competitiveness

The seminar was held on 18 August 2026 at Hotel Espira Kinrara, Puchong, Selangor. It brought together 50 participants from KESUMA, KUSKOP, KPKT, KKR, JKR, PETRA, SME Corp, IEM, DBKL, TNB, CIDB and FMM. Seven topics on corporate governance and OSH due diligence in the public sector were presented:

- *From Risk Assessment to Corporate Accountability: Strengthening OSH Governance & Due Diligence*
- *Data-Driven Interventions: Eradicating Under-Reporting via Centralised Executive Dashboards*
- *Crash Programme: A Transformative Enforcement Model Anchored in the Umbrella Concept*
- *Umbrella Enforcement: Why Tier-1 Corporations Must Mentor Their MSME Supply Chain Vendors*
- *CDM Project Lifecycle*
- *The Multi-Stakeholder Handshake: Client, Engineer and Contractor Accountability in CWDM 2024*
- *The Ripple Effect: How Occupational Safety Directly Impacts National GDP & Export Competitiveness*

The seminar's output consisted of TED Talk recordings to be edited into short videos of 1–3 minutes for regular uploads to DOSH's TikTok, Facebook and YouTube channels to expand audience reach.

Sesi Libat Urus Insentif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Bersama Agensi Awam dan Swasta & Mesyuarat JK Teknikal Penyediaan Nota Panduan Aktiviti P1

Sesi ini dijalankan pada 22 hingga 24 September 2026 bertempat di Hotel Ideas, Kuala Lumpur. Sesi ini telah disertai seramai 60 orang peserta daripada agensi kerajaan dan swasta, yang menyediakan perkhidmatan berkaitan insentif dan inisiatif berkenaan KKP. Pengisian sesi ini adalah hebahan aktiviti Program 1 TS4 OSHMP30 dalam menyediakan platform insentif KKP kepada industri melalui kolaborasi bersama agensi awam dan swasta berkaitan; mengumpul input, cadangan dan perkongsian daripada agensi tersebut agar dapat mewujudkan kebersamaan menyediakan perkhidmatan berkaitan.



The session took place from 22 to 24 September 2026 at Hotel Ideas, Kuala Lumpur, and was attended by 60 participants representing government agencies and private-sector organisations that provide services related to Occupational Safety and Health (OSH) incentives and initiatives. The session focused on disseminating information on the activities under Programme 1, TS4 of OSHMP30, particularly efforts to establish a platform for providing OSH incentives to the industry through collaboration with relevant public and private-sector agencies. It also served as a platform for gathering input, proposals and insights from participating agencies to foster collaboration and strengthen the coordinated delivery of related services.

> **"Insentif yang bersasar dan instrumen pematuhan yang jelas memacu peningkatan prestasi KKP dalam sektor berisiko tinggi."**

Sesi Penjajaran Instrumen Pematuhan Sektor Berisiko Tinggi

Sesi ini dijalankan pada 27 hingga 29 April 2026 bertempat di Seremban, Negeri Sembilan yang telah dihadiri seramai 10 orang AJK Program 2 Teras Strategik 4 OSHMP30. Sesi ini memfokuskan input daripada borang tinjauan penambahbaikan senarai semak OSHWA, seterusnya menambah nilai dengan pengenalan elemen pembuktian dan penjelasan elemen; serta penyediaan infografik elemen utama. Senarai semak tersebut akan meningkatkan standard pematuhan dan prestasi KKP khusus kepada sektor berisiko tinggi.





The session was held from 27 to 29 April 2026 in Seremban, Negeri Sembilan, and attended by 10 committee members of Programme 2 under Strategic Thrust 4 of OSHMP 30. It focused on feedback gathered through a survey to improve the OSHWA checklist. Further enhancements included the introduction of evidence requirements, explanations of checklist elements, and infographics highlighting key elements. The revised checklist will raise OSH compliance and performance standards, particularly in high-risk sectors.

Hebahan Amalan Terbaik KKP Melalui Rakaman Podcast

Sesi ini dijalankan secara rakaman bersiri iaitu bermula pada 21 Mei hingga 18 Jun 2026 bertempat di studio rakaman. Sesi ini telah melibatkan rakaman podcast sebanyak 10 sesi melibatkan panel yang terdiri daripada pengurusan tertinggi JKKP (Ketua Pengarah JKKP, Pengarah Bahagian Keselamatan Tapak Bina, Pengarah JKKP Kuala Lumpur, Pengarah Bahagian Industri Kecil Sederhana dan Sektor Bukan Kilang), CEO PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. dan pegawai-pegawai JKKP dengan kepakaran tertentu. Video rakaman podcast tersebut telah dimuatnaik di TikTok, Facebook, dan YouTube JKKP untuk hebahan umum.







A series of 10 podcast episodes was recorded in a studio from 21 May to 18 June 2026. The panel featured DOSH's senior management, including the Director General, the Director of the Construction Site Safety Division, the Director of DOSH Kuala Lumpur, and the Director of the Small and Medium Industries and Non-Factory Sector Division. Other panellists included the CEO of PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. and DOSH officers with specialised expertise. The recorded podcast videos were subsequently uploaded to DOSH Malaysia's official TikTok, Facebook and YouTube platforms for public dissemination.



Sinergi Rentas OSHMP30: Pemacu Teras Strategik 4

Program ini dijalankan pada 4 hingga 6 Ogos 2026 bertempat di Hotel Ideas, Kuala Lumpur. Program ini telah disertai seramai 25 orang AJK Teras Strategik 4 OSHMP30 yang terdiri daripada pegawai JKKP dan wakil agensi kerajaan seperti KUSKOP dan PERKESO. Pengisian utama adalah perancangan dan perbincangan strategi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang akan menyumbang kepada KPI bagi tahun 2026-2030.



The programme was held from 4 to 6 August 2026 at Hotel Ideas, Kuala Lumpur. It was attended by 25 committee members of Strategic Thrust 4 of OSHMP 30, comprising DOSH officers and representatives from government agencies, including KUSKOP and PERKESO. The programme focused on planning and discussing strategies for implementing activities to achieve the key performance indicators (KPIs) for 2026-2030.



MELAKAR MASA DEPAN TEMPAT KERJA YANG DINAMIK

SHAPING THE FUTURE OF DYNAMIC WORKPLACES

Lawatan Kerja Industri: Pemasangan dan Pengendalian Sistem Solar Terapung Bagi Kajian Risiko KKP Masa Hadapan

Lawatan kerja industri ke tapak projek solar terapung Summer Solar, Kampar, Perak, dengan penglibatan pihak industri Solarvest Holdings Berhad, dilaksanakan selaras dengan OSHMP30, khususnya Teras Strategik 5: Melakar Masa Hadapan Tempat Kerja yang Dinamik. Lawatan ini bertujuan menilai kesiapsiagaan sektor tenaga hijau dalam mengurus risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) berkaitan teknologi solar terapung (FPV), termasuk hazard kerja di atas air, risiko elektrik voltan tinggi, kegagalan mekanikal, cuaca ekstrem serta keberkesanan pelaksanaan HIRARC dan prosedur tindakan kecemasan (ERP).

An industry working visit to the Summer Solar floating solar project site in Kampar, Perak, involving Solarvest Holdings Berhad, was conducted in line with OSHMP 30, particularly Strategic Thrust 5: Shaping the Future of Dynamic Workplaces. The visit aimed to assess the green energy sector's readiness to manage Occupational Safety and Health (OSH) risks associated with floating photovoltaic (FPV) technology, including hazards from working over water, high-voltage electrical risks, mechanical failures and extreme weather, as well as the effectiveness of Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) and emergency response procedures (ERP).





Lawatan Kerja Floating Solar

Lawatan Kerja Industri: Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE), Gerik, Perak

Lawatan kerja industri ke Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE) di Mukim Kenering, Gerik, Perak, bersama MCRE Resources Sdn. Bhd. Lawatan ini bertujuan memahami proses perlombongan dan pemprosesan REE, mengenal pasti hazard serta risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), meneliti pelaksanaan HIRARC dan langkah kawalan risiko, serta mendapatkan maklumat bagi analisis trend strategik dan laporan risiko pekerjaan masa hadapan dalam sektor industri REE.



Lawatan Kerja REE



An industry working visit was conducted to the Rare Earth Element (REE) Mining Pilot Project in Mukim Kenering, Gerik, Perak, with MCRE Resources Sdn. Bhd. The visit aimed to understand REE mining and processing operations, identify Occupational Safety and Health (OSH) hazards and risks, examine the implementation of HIRARC and risk control measures, and gather information for strategic trend analysis and reporting on future occupational risks in the REE industry.


Seminar Kesenian

The seminar aimed to enhance Occupational Safety and Health (OSH) knowledge and skills among workers in the informal and gig sectors, particularly in fisheries and the arts, in line with OSHMP 30. The programme covered OSH management, PERKESO social protection, the identification of occupational hazards and risks, and appropriate control measures. Strategic collaboration among DOSH, PERKESO and relevant stakeholders was also strengthened to promote safe and healthy work practices and embed a culture of OSH prevention in everyday work activities.



Seminar Perikanan

Seminar Kerja Selamat dan Sihat Bagi Sektor Tidak Formal (Perikanan) dan Sektor Gig (Kesenian) 2026

Seminar ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dalam kalangan pekerja sektor tidak formal dan sektor gig, khususnya dalam bidang perikanan dan kesenian, selaras dengan OSHMP30. Program ini memberi pendedahan berkaitan pengurusan KKP, perlindungan sosial PERKESO, pengenalpastian hazard dan risiko pekerjaan serta langkah kawalan yang bersesuaian. Kerjasama strategik antara JKKP, PERKESO dan pemegang taruh berkaitan turut diperkukuh bagi menggalakkan amalan kerja selamat dan sihat serta membudayakan pencegahan KKP dalam aktiviti pekerjaan harian.



Sesi Libat Urus Bersama Platform Ekonomi Gig

Sesi libat urus bersama platform ekonomi gig telah dilaksanakan di Johor (Zon Selatan), Pulau Pinang (Zon Utara) dan Selangor (Zon Tengah) bagi menyokong pembangunan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) untuk pekerja gig. Sesi ini berjaya mencapai objektif melalui pendedahan kepada Akta Pekerja Gig 2025, khususnya Bahagian 9, serta Pelan Induk KKP Negara 2026-2030 (OSHMP30). Program ini turut menyediakan platform kepada pihak berkepentingan untuk berkongsi pandangan dan cadangan penambahbaikan bagi memperkukuh garis panduan KKP yang sedang dibangunkan oleh JKKP.

Engagement sessions with gig economy platforms were held in Johor (Southern Zone), Penang (Northern Zone) and Selangor (Central Zone) to support the development of Occupational Safety and Health (OSH) guidelines for gig workers. The sessions achieved their objectives by introducing participants to the Gig Workers Act 2025, particularly Part 9, and the National Occupational Safety and Health Master Plan 2026-2030 (OSHMP 30). The programme also provided a platform for stakeholders to share views and recommendations to strengthen the OSH guidelines being developed by DOSH.



Sesi Libat Urus Kajian Adaptasi KKP Bagi Model Kerja Hibrid

Sesi Libat Urus (SLU) Kajian Adaptasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi Model Kerja Hibrid membincangkan cabaran pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514], pengurusan risiko ergonomik dan psikososial serta amalan terbaik industri. Perbincangan turut memfokuskan pembangunan Garis Panduan Nasional KKP Kerja Hibrid dan cadangan Toolkit Penilaian Risiko Rumah bagi menyokong persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

The Stakeholder Engagement Session for the Study on Occupational Safety and Health (OSH) Adaptation for Hybrid Work Models discussed challenges in complying with the Occupational Safety and Health Act 1994 [Act 514], managing ergonomic and psychosocial risks, and industry best practices. Discussions also focused on developing the National OSH Guidelines for Hybrid Work and a proposed Home Risk Assessment Toolkit to support a safe and healthy working environment.

Sesi Libat Urus Bagi Pembangunan Garis Panduan Pengurusan Risiko Iklim di Tempat Kerja dan Kerangka Kajian Nasional Keperluan Golongan Pekerja Rentan di Malaysia

Sesi libat urus ini dilaksanakan sebagai platform strategik untuk mendapatkan pandangan, pengalaman dan cabaran pihak industri serta institusi akademik bagi memastikan inisiatif KKP yang dibangunkan relevan dan praktikal. Perbincangan memfokuskan dua aktiviti utama, iaitu Risiko Iklim (Aktiviti 1) yang merangkumi pengurusan risiko cuaca ekstrem dan peningkatan suhu di tempat kerja, serta KKP untuk Golongan Rentan (Aktiviti 2) yang menumpukan pembangunan latihan dan kempen bersesuaian untuk wanita, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU), demi memperkukuh perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



“Berdaya tahan menghadapi perubahan iklim & risiko baharu pekerjaan, inklusif melindungi setiap pekerja.”

This engagement session served as a strategic platform to gather views, experiences and challenges from industry and academic institutions to ensure that the OSH initiatives developed are relevant and practical. Discussions focused on two key activities: Climate Risks (Activity 1), covering the management of risks associated with extreme weather and rising workplace temperatures, and OSH for Vulnerable Groups (Activity 2), focusing on tailored training and campaigns for women, senior citizens and persons with disabilities to strengthen occupational safety and health protection.



PENJELMAAN BUDAYA KKP MELALUI PEMBANGUNAN KAPASITI PROGRESIF

EMBEDDING AN OSH CULTURE THROUGH PROGRESSIVE CAPACITY BUILDING

Mesyuarat dan Libat Urus Teknikal KKP antara Kerajaan, Akademia dan Industri

Mesyuarat dan Libat Urus Teknikal KKP Antara Kerajaan, Akademia dan Industri telah diadakan pada 27 hingga 29 April 2026 di Grand Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan bagi membincangkan berkaitan National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) oleh Pusat Penyelidikan dan Pemecut Teknologi dan Inovasi Malaysia (MRANTI), Kajian Safety Culture oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan pembentukan jaringan akademia dan industri di bawah Teras Strategik 6 OSHMP30.

The OSH Technical Meeting and Engagement Session among the Government, Academia and Industry was held from 27 to 29 April 2026 at Grand Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan. Discussions covered the National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) presented by the Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), Safety Culture Study by Universiti Teknologi Malaysia (UTM), and the establishment of academia-industry networks under Strategic Thrust 6 of OSHMP 30.





Mesyuarat Pemantapan Pelan Tindakan Program 1 Teras Strategik 6 OSHMP30: Membudayakan KKP Melalui Pendidikan dan Kesedaran

Mesyuarat Pemantapan Pelan Tindakan Program 1 Teras Strategik 6 OSHMP30: Membudayakan KKP Melalui Pendidikan dan Kesedaran telah diadakan di Palm Seremban Hotel, Negeri Sembilan pada 20 hingga 22 Januari 2026 bagi menyelaras pelaksanaan, memperincikan tindakan dan memastikan keberkesanan usaha membudayakan KKP melalui pendidikan dan kesedaran. Program 1 Teras Strategik 6 OSHMP30 akan memperkukuhkan kolaborasi strategik bersama Kementerian Pendidikan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memperluas program pendidikan dan kesedaran KKP.

The Meeting to Strengthen the Action Plan for Programme 1 under Strategic Thrust 6 of OSHMP 30: Embedding an OSH Culture through Education and Awareness was held at Palm Seremban Hotel, Negeri Sembilan, from 20 to 22 January 2026. The meeting aimed to coordinate implementation, refine actions and ensure the effectiveness of efforts to embed an OSH culture through education and awareness. Programme 1 under Strategic Thrust 6 of OSHMP 30 will strengthen strategic collaboration with the Ministry of Education and government-linked companies (GLCs) to expand OSH education and awareness programmes.

Bengkel Pemeringkatan Modul Kelab KKP di Sekolah Rendah dan Menengah

Bengkel Pemeringkatan Modul Kelab KKP di Sekolah Rendah dan Menengah telah diadakan pada 8 hingga 11 Jun 2026 di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur bagi menstruktur semula modul kelab KKP mengikut tahap pemeringkatan (asas, pertengahan, lanjutan, mahir) di peringkat sekolah rendah dan menengah serta mengemaskini draf plan pembelajaran bagi setiap modul. Pada masa yang sama, perbincangan berkaitan Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat (GPPSS) telah diadakan bersama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan.

The Workshop on Structuring OSH Club Modules by Proficiency Level for Primary and Secondary Schools was held from 8 to 11 June 2026 at Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. It aimed to restructure the modules into four levels—basic, intermediate, advanced and proficient—for primary and secondary schools and update the draft learning plans for each module. Discussions on the Safe School Management Guidelines (GPPSS) were also held with the Daily School Management Division (BPSH), Ministry of Education.



Perbincangan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Perbincangan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Pusat Penyelidikan dan Pemecut Teknologi dan Inovasi Malaysia (MRANTI) telah diadakan pada 3 Julai 2026 berkaitan kaedah untuk memasukkan elemen KKP dalam National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) serta pengenalpastian wakil MOSTI dan MRANTI sebagai Ahli Jawatankuasa Teras Strategik 6 Program 2 Aktiviti 2 OSHMP30.

Discussions with the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and the Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) were held on 3 July 2026 to explore ways to incorporate OSH elements into the National Technology and Innovation Sandbox (NTIS). The discussions also focused on identifying representatives from MOSTI and MRANTI to serve as committee members for Programme 2 Activity 2 under Strategic Thrust 6 of OSHMP 30.



BULETIN
OSHMP30



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Aras 1, 3, 4 & 5, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 W. P. Putrajaya

+603 8886 5000 +603 8889 2443 jkkp@mohr.gov.my www.dosh.gov.my